

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1992/93

April 1993

BPT 482/2 - PENYAKIT TANAMAN TROPIKA

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bérnilai 20 markah.

.../2

(BPT 482/3)

1. (a) Bincangkan kaedah yang diguna untuk mengecamkan satu penyakit akar di ladang getah di Malaysia.

(10 markah)

- (b) Satu cara untuk mengawal penyakit akar pokok getah ialah menggalikan satu parit di sekeliling pokok terjangkit. Bincangkan kenyataan ini dari segi kebaikan dan keburukan.

(10 markah)

2. (a) Huraikan secara ringkas dua penyakit padi tempatan, satu disebabkan oleh bakteria dan yang kedua disebabkan oleh virus.

(10 markah)

- (b) Bincangkan cara pengawalan yang biasa diamalkan untuk kedua-dua penyakit tersebut.

(10 markah)

3. *Pythium* dan *Rhizoctonia* adalah organisma yang menyebabkan reputan dan kematian anak benih beberapa tanaman ekonomi. Bincangkan kenyataan ini dengan memberi tumpuan kepada etiologi, simptom dan kawalan penyakit tersebut.

(20 markah)

...3/-

(BPT 482/3)

4. Bincangkan penyakit-penyakit berikut dari segi penyebab, simptom dan kawalan yang berkesan:

- (a) Penyakit Sigatoka pokok pisang
- (b) Penyakit antraknos satu tanaman sayur-sayuran

(20 markah)

5. Dengan menggunakan contoh-contoh, bandingkan penyakit layu oleh kulat dan bakteria dari segi penyebab, simptom penyakit dan kawalannya.

(20 markah)

6. Tuliskan nota mengenai EMPAT daripada yang berikut:

- (a) Simptom dan cara pengawalan satu penyakit anak benih pokok kelapa sawit
- (b) Satu penyakit kulat di tebu
- (c) Penyakit semur (cendawan angin) pokok koko
- (d) Penyakit pokok durian yang disebabkan oleh Phytophthora sp.
- (e) Satu penyakit bunga pokok orkid

(20 markah)